

21/02/1999

Rakyat Sabah terima pemimpin Semenanjung

PEKAN: Sambutan baik rakyat Sabah terhadap kedatangan pemimpin persekutuan, terutama Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, menolak dakwaan sesetengah pihak kononnya pemimpin dari Semenanjung dianggap penjajah.

Naib Presiden Umno, Datuk Seri Najib Tun Razak, berkata pada masa ini, rakyat Sabah keluar beramai-ramai menghadiri setiap majlis dianjurkan, malah ada antara mereka meminta pemimpin berkenaan menetap lebih lama daripada dijadualkan.

"Jika kita dianggap penjajah, sudah tentu kita tidak disambut dan diterima dengan hati terbuka," katanya.

Beliau juga menyifatkan perhimpunan besar rakyat yang dihadiri Dr Mahathir di Keningau, kelmarin, sangat luar biasa.

"Memang susah untuk menyuruh orang ramai berkumpul dalam sesuatu majlis seperti pilihan raya negeri Sabah 1994 lalu tetapi kali ini berbeza, sekali gus ia boleh menjadi ukuran sokongan kepada Barisan Nasional (BN)," katanya.

Najib berkata demikian kepada pemberita selepas menghadiri majlis bersama rakyat di Kampung Indera Shah Bandar, di sini, semalam.

Sambil menegaskan BN boleh membawa kemakmuran kepada Sabah, beliau percaya rakyat negeri itu tidak akan mudah terpengaruh dengan sentimen kenegerian dan kesukuan, sebaliknya mengutamakan kepentingan negeri.

Katanya, berfikiran sempit seperti itu boleh membawa kesan negatif terhadap Sabah dan rakyatnya.

Melalui BN, Najib yang juga Menteri Pendidikan, berkata Sabah mampu menjadi satu daripada negeri yang membangun dengan pesat.

"Bagi mencapainya, rakyat Sabah perlu berfikiran jauh serta bersatu padu dalam BN," katanya.

(END)